

## **Peraduan CAP JUNJUNG® & IDEAL®**

Dengan menyertai Peraduan **CAP JUNJUNG® & IDEAL®** ("Peraduan"), anda ("Peserta") mengakui telah membaca dan bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat yang tersenarai seperti berikut: -

### **TERMA DAN SYARAT**

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas (pada tarikh mula peraduan), kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A) ("Pihak Penganjur") dan ahli keluarga terdekatnya, syarikat sekutunya, rakan kongsi perniagaan, pembekal/pengedar, agensi promosi/pengiklanan/perhubungan awam dan pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.
2. Peraduan ini berlangsung dari 01 Oktober 2021 hingga 15hb November 2021 ("Tempoh Peraduan"). Pihak Penganjur berhak untuk memindahkan, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

### **KRITERIA KELAYAKAN**

Setiap minimum RM5.00 pembelian Cap Junjung®, Ideal® atau Carnation® (Produk mengambil bahagian) dalam satu resit tunggal (bukti pembelian) di mana-mana cawangan di Malaysia Timur (Sabah & Sarawak) akan layak mendapat satu (1) penyertaan ( penyertaan layak) dan akan di berikan satu (1) nombor siri.

Produk yang mengambil bahagian\*: Krimer Manis Cap Junjung® 388g/500g, Susu Sejat Penuh Krim Ideal® 390g/ Krimer Sejat Carnation® 390g

Contoh: Fiona membeli RM20.00 (Produk yang mengambil bahagian) dia layak mendapat 4 penyertaan secara automatik.

### **CARA-CARA PENYERTAAN**

1. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta yang layak perlu dalam Tempoh Peraduan, melakukan perkara-perkara yang berikut:
  - a. Beli minima RM5.00 produk yang mengambil bahagian dalam satu resit tunggal sepanjang tempoh peraduan di mana - mana cawangan yang mengambil bahagian di Malaysia Timur (Sabah & Sarawak)
  - b. Jawab soalan cabaran: Tema Peraduan ini adalah Peraduan CAP JUNJUNG® & IDEAL® WhatsApp dan Menang (Betul/Salah).
    - a. Hantarkan gambar resit yang asal dan jelas, Nama, No.K/P dan jawapan melalui WhatsApp ke to **019-4082600**

(contoh: Fiona Ng, 830318-06-8120, Betul)

2. Resit yang asal mesti disimpan untuk tujuan pengesahan jika anda dipilih sebagai pemenang.

3. Penyertaan yang dihantar sebelum 01hb October 2021,00:00hr dan selepas 15hb November 2021,23:59hr secara automatik akan terbatal. Penyertaan yang dihantar selain dari melalui aplikasi WhatsApp tidak akan dilayan.
4. Tiada had penyertaan, Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menyertakan bukti pembelian yang sah. Bukti WhatsApp bukan bukti penerimaan.
5. Hanya resit cetakan asal yang mengandungi keterangan produk dengan jelas diterima sebagai bukti pembelian. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana bukti pembelian yang diubah, tidak tepat, tidak lengkap, tidak jelas dan maklumat atau penyertaan tanpa bukti pembelian akan terbatal secara automatik.

## **HADIAH PERADUAN**

**Hadiah Utama x dua puluh (20) pemenang: RM500.00 Boost ewallet**

**Hadiah Saguhati x dua ratus (200) pemenang: RM50.00 Boost ewallet**

## **PEMILIHAN PEMENANG**

1. Semua penyertaan layak akan diberikan secara backend nombor bersiri untuk proses pemilihan pemenang. Sebanyak dua puluh (20) untuk Hadiah Utama dan dua ratus (200) akan dipilih sebagai pemenang (Pemenang). Pengiraan adalah seperti berikut:

**Hadiah Utama (dua Puluh (20) Pemenang: RM500.00 Boost ewallet.**

Terdapat dua puluh (20) Hadiah Utama untuk dimenangi sepanjang tempoh peraduan.

Pemenang akan ditentukan berdasarkan nombor bersiri layak yang diterima sepanjang tempoh peraduan, Contoh; jika 2800 nombor bersiri layak diterima sepanjang tempoh peraduan, nombor ini akan dibahagi kepada jumlah hadiah yang disediakan. Ilustrasi pengiraan seperti berikut;

$$2800 \div 20 = 140$$

Sejumlah dua puluh (20) pemenang akan dipilih berdasarkan nombor bersiri 140 dan gandaannya. Contoh Nombor bersiri yang menang ialah; 140\*,280\*,420\*,560\*,700\* dan seterusnya.

Formula pembundaran akan diguna pakai sekiranya terdapat titik perpuluh. Nombor akan dibundarkan kepada nombor digit tunggal terhampir. Dan nombor gandaannya akan dipilih sebagai pemenang.

## **Hadiah Saguhati (Dua Ratus (200) Pemenang):RM50.00 Boost ewallet)**

Sejumlah dua ratus (200) Hadiah Saguhati disediakan sepanjang Tempoh Peraduan.

Pemenang akan ditentukan berdasarkan nombor bersiri layak yang diterima sepanjang tempoh peraduan, Contoh; jika 2800 nombor bersiri layak diterima sepanjang tempoh peraduan, nombor ini akan ditolak dengan nombor Pernyataan layak Pemenang Hadiah Utama dan dibahagi kepada jumlah hadiah yang disediakan. Ilustrasi pengiraan seperti berikut;

Anggaran Pernyataan layak Pemenang Hadiah Utama adalah 20

$$2,800 - 20 = 2780 \div 200 = 13.9.$$

(Gandaan disini adalah 14)

Sejumlah dua ratus (200) Peserta dengan nombor bersiri 14 dan gandaannya akan dipilih sebagai pemenang hadiah saguhati. Contoh nombor bersiri yang menang adalah 14\*,28\*,42\*,56\*,70\* dan seterusnya.

2. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat - menyurat tidak akan dilayan.
3. Setiap Peserta hanya layak memenangi maksima satu (1) Hadiah Utama **atau** satu (1) Hadiah Saguhati sepanjang **Tempoh Peraduan**.
4. Pihak Penganjur dan/atau agensi yang dilantik akan menghubungi Pemenang berdasarkan nombor yang digunakan untuk menyertai Peraduan ini melalui WhatsApp dengan usaha terbaik dengan maksimum tiga (3) percubaan panggilan. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi, maka Pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk menggantikan Pemenang dengan nombor siri seterusnya dalam senarai.
5. Pemenang akan dimumkan dalam masa 8 minggu dari tarikh tamat **Tempoh Peraduan** di lamab web [www.fn.com.my](http://www.fn.com.my).
6. Pemenang dikehendaki memuat turun aplikasi Boost dan mendaftar sebagai pengguna, Hadiah akan dikreditkan ke dalam Cap Junjung & Ideal Wallet di bahagian "My Reward" aplikasi Boost masing-masing. Hadiah mestilah digunakan dalam tempoh 45 hari selepas penerimaan mengikut kesahan Boost dan tertakluk kepada terma dan syarat Boost Partner Wallet, kegagalan menggunakan, Hadiah akan tamat tempoh dan akan terbatal secara automatik tanpa sebarang notis dan Pemenang tidak boleh menuntut hadiah tersebut.
7. Hadiah akan di proses untuk penghantaran/pemberian dalam masa 4 - 8 minggu selepas pengumuman Pemenang. Penganjur berhak untuk memanjangkan tempoh tersebut atas sebab luar jangka tanpa sebarang notis.
8. Penganjur berhak untuk menentukan, mengubah atau memanjangkan pengumuman pemenang tanpa sebarang notis.
9. Sekiranya pemenang dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mengambil bahagian dalam program publisiti (jika berkenaan) yang akan dianjurkan oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa, segala perbelanjaan

untuk menghadiri majlis tersebut adalah atas tanggungan pemenang sendiri. Pihak Penganjur akan memberi notis sekurang-kurangnya satu (1) minggu sebelum majlis tersebut.

10. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan atau/dan Peserta tanpa perlu memberikan apa-apa penerangan kepada peserta. Mana-mana penyertaan disyaki sindiket, pemerolehan bukti pembelian secara haram, dan mana-mana penyertaan yang menjadi pertikaian atau menjadi persoalan kepada penganjur.

11. Walaubagaimanapun, Penganjur berhak menentukan cara pengambilan/pemberian hadiah untuk pemenang luar kawasan Lembah Klang. Semua perbelanjaan, duit poket, wang perbelanjaan, perbelanjaan makan & minum, perjalanan, penginapan, cukai, insuran perjalanan atau mana-mana perbelanjaan yang terjadi ketika mengambil hadiah adalah tanggungjawab pemenang dan harus dilunaskan oleh Pemenang.

12. Penganjur berhak untuk menentukan urusan penghantaran hadiah kepada Pemenang luar kawasan Lembah Klang. Penganjur akan menghantar hadiah mengikut alamat penghantaran yang telah diberikan kepada melalui WhatsApp atau email kepada agensi yang dilantik. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk mana-mana hadiah yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang kerosakan, kehilangan atau kecurian ketika proses penghantaran kepada alamat yang diberikan.

13. Penganjur berhak menentukan model dan warna hadiah. Sebarang bentuk tuntutan jaminan(warranty) hendaklah dikemukakan terus kepada pengilang atau syarikat berkaitan. Pemulangan hadiah oleh Pemenang atas apa alasan sekali pun tidak akan dilayan.

## **LAIN-LAIN**

1. Semua WhatsApp yang dihantar dan bukti pembelian yang dikemukakan untuk peraduan ini menjadi hak penganjur.

2. Dengan menyertai Peraduan ini dan penerimaan hadiah, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat tanpa sebarang bayaran royalti dan/atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.

3. Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi yang diberikan dalam Peraduan ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada agensi yang dilantik bagi segala tujuan pengurusan Peraduan ini dan komunikasi dengan Peserta. Pihak Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan segala butiran peribadi adalah sulit dan dilindungi daripada penyalahgunaan, mengikut Data Peribadi Peserta.

4. Pihak Penganjur dan kesemua pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini, termasuk agensi yang dilantik, pengarah, pegawai dan ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun, termasuk sebarang tindakan, kesulitan, kejadian atau gangguan yang berlaku akibat daripada dan tidak terhad kepada:- Serangan virus komputer dan lain-lain; Kejadian di luar kawalan Pihak Penganjur secara langsung atau tidak seperti kebakaran, banjir, kerosuhan dan lain-lain; Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan semasa Peraduan ini; Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran Peraduan dan pemprosesan penyertaan; Dan sebarang penyertaan yang hilang, dicuri, rosak, salah dihantar atau tidak diterima.

5. Pihak Penganjur berhak membatalkan penyertaan dan/atau Peserta yang berikut tanpa perlu memberikan sebarang bukti atau penjelasan kepada Peserta:- Penyertaan pendua, tidak lengkap, tidak jelas, rosak, lambat, penyertaan tanpa resit, penyertaan yang disyaki sindiket, perolehan resit secara haram dan/atau mana-mana penyertaan lain yang tidak dapat dipertikaikan dan mewujudkan persoalan kepada Pihak Penganjur.

6. Semua Peserta bertanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan, secara langsung atau tidak oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan juga daripada penebusan atau penggunaan hadiah. Peserta adalah atas tanggungan sendirinya untuk sebarang cukai, insurans, atau perbelanjaan yang mungkin dikenakan disebabkan oleh penyertaan dalam Peraduan ini atau memenangi hadiah berkenaan. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah, Peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, sesi penilaian, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini dan penerimaan, penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah.

7. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir untuk fakta yang berkenaan untuk hadiah yang ditawarkan dan diterbitkan di mana-mana media masa, pemasaran atau bahan pengiklanan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur tidak membuat sebarang representasi dan/atau jaminan berkenaan mana-mana hadiah untuk Peraduan ini. Khususnya, Pihak Penganjur tidak memberikan jaminan berkenaan kebolehdagangan, kualiti hadiah atau kesesuaian hadiah untuk sebarang tujuan.

8. Pihak Penganjur atas budi bicaranya boleh menambah, menggugurkan, mengubahsuai atau meminda apa-apa Terma dan Syarat, kaedah Peraduan, hadiah-hadiah yang telah ditetapkan atau apa jua yang berkenaan dengan Peraduan ini tanpa memberi notis terlebih dahulu dan Peserta adalah terikat dengan pembaharuan tersebut. Segala pampasan atau tuntutan kerugian, kerosakan dan kesulitan yang berlaku kepada Peserta (sama ada dalam wang tunai atau bentuk lain) disebabkan oleh pemindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan secara langsung atau tidak, sepertimana yang disebut di atas tidak akan dilayani.

9. Terma dan Syarat Peraduan ini terdapat dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara mana-mana versi Terma dan Syarat, Bahasa Inggeris akan dijadikan rujukan.

## **NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

Notis data peribadi ini (“Notis”) bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda akan diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd (“F&N” atau “kami”).

Dengan penghantaran borang penyertaan Peraduan ini, anda bersetuju untuk memberi kebenaran untuk memproses data peribadi anda oleh F&N seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

Kami akan memproses data peribadi yang disertakan kepada kami, seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor perhubungan, alamat dan apa-apa data peribadi lain yang diminta dalam borang penyertaan Peraduan ini.

F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk maklumat tambahan yang diminta kemudian oleh F&N, untuk tujuan perhubungan (jika berkenaan) dan Peraduan ini.

Data peribadi yang diberi mungkin akan didedahkan kepada pembekal perkhidmatan untuk tujuan yang ternyata diatas. Pembekal perkhidmatan termasuk pihak anjuran, urusan atau operasi yang diberikan kuasa untuk Peraduan ini. Anda bertanggungjawab untuk memastikan data peribadi anda yang diberikan kepada kami adalah kemaskini, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan.